

Makanan habis punca simbah anak air panas

BERITA HARIAN
2/1/19 MS 18

Georgetown: Kes kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun yang melecur disimbah air panas oleh bapanya di Flet Kampung Melayu, Air Itam di sini, Khamis lalu, bukan disebabkan mencuri wang, tetapi kerana makanan habis.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Che Zaimani Che Awang, berkata siasatan mendapati bapa kanak-kanak terbabit naik angin selepas mendapati makanan di rumah dihabiskan oleh empat anaknya yang berusia tiga hingga sembilan tahun.

"Kejadian mangsa dikatakan mencuri wang ibunya sebanyak RM10 adalah kejadian lama dan bukan punca sebenar suspek menyimbah air panas kepada mangsa sehingga melecur tiga peratus di lengan, rusuk dan dada kanan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi itu, suspek berusia 41 tahun yang bekerja sebagai ejen jualan kad prabayar baru



Suspek juga bertindak menyimbah semangkuk air panas yang diambil daripada mesin penapis air minuman di ruang tamu ke arah mangsa"

Che Zaimani Che Awang,
Ketua Polis Daerah
Timur Laut

pulang daripada bekerja dan dalam keadaan lapar, namun mendapati makanan disediakan isterinya yang berumur 38 tahun dihabiskan oleh anaknya.

Naik angin

"Dia yang naik angin kerana lapar mengejutkan anaknya yang sedang tidur di ruang tamu dan memarahi serta memukul mereka.

"Suspek juga bertindak menyimbah semangkuk air panas yang diambil daripada mesin penapis air minuman di ruang tamu ke arah mangsa," katanya.

Che Zaimani berkata, tindakan lelaki itu disaksikan isterinya, namun wanita itu bukan setakat melihat dan tidak menghalang perbuatan suspek, tetapi turut sama memarahi mangsa yang merupakan anak perempuan tunggal mereka.

Katanya, selepas kejadian itu, pasangan suami isteri terbabit melarikan diri bersama anak bongsu mereka kerana bimbang ditahan polis.

BERNAMA